

## SIARAN MEDIA

### PEMERKASAAN PENDUDUK DAN KELUARGA, TERAS NEGARA MAJU

**BANGI, 11 NOV.** – ‘Pemeriksaan Penduduk dan Keluarga, Teras Negara Maju’ adalah tema bagi **Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2022 (PERKKS 22)**, anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bersama-sama *United Nations Population Fund* (UNFPA) Malaysia dan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini.

Persidangan tahunan selama dua (2) bermula hari ini dan esok, diadakan bertujuan memberi peluang kepada para penyelidik untuk membentangkan hasil penyelidikan serta mengusulkan cadangan penambahbaikan terhadap dasar dan program sedia ada, selain membincangkan isu semasa dan cabaran dinamik penduduk dan keluarga di negara ini.

“Persidangan ini telah mengubah paradigma mengenai kependudukan dan pembangunan daripada hanya sasaran bilangan penduduk kepada strategi mengutamakan keperluan dan aspirasi individu dalam memacu agenda pembangunan lestari,” demikian menurut Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dalam ucapan perasmian yang berlangsung secara dalam talian.

Sebanyak lima (5) bidang utama yang difokuskan dalam **PERKKS 22** iaitu; meliputi (i) Kependudukan, Pembangunan Lestari dan Pertumbuhan Ekonomi Inklusif; (ii) Kehidupan Keluarga di Era Endemik; (iii) Wanita, Kesaksamaan Gender dan Kesihatan Reproduksi; (iv) Penduduk dan Kesan Perubahan Iklim & Pemanasan Global; dan (v) Penduduk Muda, Potensi dan Corak Masa Depan Negara.

Antara panel yang terlibat dalam pembentangan kertas kerja termasuk Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Prof. Dr. Jomo Kwame

Sundaram, Penasihat Penyelidik, Khazanah Research Institute (KRI) dan penampilan khas Dr. Asa Torkelsson, Perwakilan Tetap UNFPA Malaysia.

Persidangan ini turut menghimpunkan sejumlah **173 abstrak, 114 artikel penuh dan 18 poster penyelidikan** yang dibentangkan oleh ahli akademik, penyelidik dari agensi kerajaan dan siswazah daripada pelbagai bidang yang berkaitan kependudukan dan kekeluargaan. Bagi mengiktiraf penghasilan artikel penyelidikan yang terbaik, penganjuran **PERKKS 22** kali ini turut menyediakan anugerah *Best Paper Award* dan *Best Poster Award*.

Turut hadir ialah Dato' Haji Suhaimi Mohd Ghazali, Pengerusi LPPKN dan Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

###

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Sekretariat PERKKS 22**

Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga  
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
No.Tel: 03-2613 7775 (samb.1600)  
Emel: [kependudukan@lppkn.gov.my](mailto:kependudukan@lppkn.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat